



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pembangunan PKS dan
Keusahawanan
Malaysia

DISINI BERMULA...

PLANET MASMED

NO. 01 · JUNE 2022 · UITMCNS

ENCULTURE
ENGAGE
CREATE

EXCELLENT
SYNERGY
INTEGRITY

eISSN 2805-5535



9 7 7 2 8 0 5 5 5 3 0 0 5

Berkawan dengan Usahawan

Penulis: Dr Raja Mayang Delima Mohd Beta, Nabilah Abdul Shukur, Asiah Ali



Berkawan dengan usahawan? Mindanya cekal, hatinya berani, gayanya yakin, suaranya lantang, perilakunya laju, ideanya pantas, tidak diam membisu, tidak sekali sambil lewa, tidak menunggu peluang datang, sentiasa merencana strategi dan tidak jemu mengambil risiko.

Berkawan dengan usahawan? Beliau bijak dalam menangani apa juu masalah yang berlaku. Hebat dalam merancang pengurusan kerosakan (*damage control*), sentiasa tenang dan memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah dengan bijak dan jarang sekali berputus asa kerana beliau yakin setiap kesulitan pasti ada jalan keluarnya.

AJAR LIDAHMU UNTUK BERKATA
“TIDAK TAHU”. MAKAN, KAMU AKAN
BELAJAR - MAIMONIDES





MASA IBARAT EMAS

Berkawan dengan usahawan? Beliau menjalankan sesuatu tugas atau perniagaan dengan betul, cekap, serta menepati masa. Masa yang tepat baginya adalah sekarang! Beliau merancang perjalanan perniagaannya dengan baik dan sentiasa rebut peluang yang ada. Baginya, jika beliau berlengah dalam mencari peluang, sudah pasti ianya sukar untuk beliau mengembangkan perniagaan.

Tiada apa yang terlambat. Kejayaan itu satu proses yang memakan masa. Jika anda percaya pada diri, nescaya kejayaan bakal menyusul.

SENTIASA PERBAIKI DIRI

Berkawan dengan usahawan? Beliau tidak kecewa terlalu lama apabila buat kesilapan. Dari kesilapan itulah beliau akan lebih bersemangat dan peka untuk sentiasa menjadi yang lebih baik. Mungkin ada dalam kalangan kita yang malu untuk mengakui kesilapan. Beliau berpesan, "Jangan risau, jika kita akui kesilapan yang diakukan dan segera perbetulkan kesilapan tersebut, ia menjadi satu usaha yang baik untuk kita dalam menjadi seorang usahawan berjaya". Berkawan dengan beliau, beliau berpesan lagi: "Dalam menghadapi kesulitan, janganlah seseorang usahawan tersebut cepat berputus asa atau patah semangat, sebaliknya hendaklah persiapkan diri untuk membuka mata, telinga serta pemikirannya agar menerima sebarang perubahan demi kebaikan bersama"



*Terima kasih KAWAN ku
USAHAWAN*